

## KONSEP JATI DIRI MELAYU DALAM PUISI CATATAN KEMBARA “NOTA KECIL MENYEBERANG USIA”

AZZURIN MOHD YASSIN

Universiti Kebangsaan Malaysia  
*azzureinrazali@yahoo.com*

MAS RYNNA WATI AHMAD

Universiti Kebangsaan Malaysia  
*masrynna@ukm.edu.my*

### ABSTRAK

Jati diri Melayu itu adalah sangat berkait dengan maksud orang Melayu yang digariskan dalam Perlembagaan, iaitu seorang yang beragama Islam, menggunakan bahasa Melayu sebagai medium komunikasi, serta mengamalkan budaya dan adat Melayu dalam kehidupan seharian. Kajian ini melihat tentang hubungkait konsep jatidiri dalam penulisan kembara sebagai suatu genre sastera di Malaysia. Tujuan utama kajian ini adalah, untuk menghayati puisi yang berbentuk catatan kembara yang diambil dari penulis muda, Fahd Razy yang mengadaptasikan pengalamannya ke dalam bentuk puisi, ketika beliau berada di perantauan. Puisinya yang berjudul “Nota Kecil Menyeberang Usia” dalam buku kumpulan puisinya yang bertajuk, *Menggeledah Nurani* (2008) menjadi tumpuan dalam kajian ini. Genre penulisan catatan kembara bukanlah sesuatu yang baru di negara ini, dan dilihat sebagai alternatif untuk menceritakan isu jati diri yang sentiasa relevan. Kajian ini dilihat mampu mengangkat karya catatan kembara ke suatu ruang wacana yang serius, kerana karya yang bergenre catatan kembara masih kurang mendapat perhatian. Penganalisisan kajian ini merujuk kepada Model Jati Diri Melayu, yang mengklasifikasikan kepada tiga aspek iaitu yang pertama, Islam agama luhur, adat dan budaya Melayu berlandaskan syariah dan bahasa Melayu sebagai teras jiwa bangsa untuk menyampaikan ilmu dan pemikiran. Namun, hanya aspek adat dan budaya Melayu berdasarkan syariah digunakan dalam perbincangan ini. Prinsip berperanan untuk mengulas mengenai isu bahasa dan jati diri Melayu yang terkandung dalam puisi catatan kembara yang dipilih.

**Kata kunci:** Fahd Razy; jati diri; *Menggeledah Nurani*; puisi kembara; puisi Melayu

### THE CONCEPT OF SELF IDENTITY IN CATATAN KEMBARA “NOTA KECIL MENYEBERANG USIA”

### ABSTRACT

Self-identity refers to one's personality or behaviors closely linked to one's principles. It covers the moral values, thoughts, personal attitudes and lifestyles. In the Federal Constitution, Article 160 (2), the Malay self-identity provides that a Malay should be a Muslim, whose belief system and principles should be in lined with the Islamic laws, the

Malay customs and Malay culture should be practiced in everyday life and Malay language should be the main communication means. This paper looks at the poem in the form of travelogue writings taken from Fahd Razy. A travelogue is a writing which documents a writer's experience when traveling abroad. For the purpose of this study, only one poem entitled "Nota Kecil Menyeberang Usia", from his collections of poems, *Menggeledah Nurani* (2008) will be focused. This study intends to take travelogue works, which has been less noticed all this while, to a more serious discourse. The analysis of this study refers to the Malay Self-Identity Model which classifies three aspects, Islam as the noble religion guided by the true belief and laws, the Malay customs and culture as the core of Malay civilization according to the Islamic laws and morality, and lastly, the Malay language as the pulse of the nation in imparting thoughts and knowledge. This paper will analyse the poem from the lens of custom and cultural aspect under the said model which plays a role in discussing issues of Malay identity in the chosen poem.

**Keywords:** Fahd Razy; self- identity; *Menggeledah Nurani*; travelogue poem; Malay poetry

## PENGENALAN

Rata-rata pengembalaan merupakan pengalaman yang membentuk pemikiran seorang individu menjadi lebih luas dan terbuka. Rakaman pengalaman mampu membuat manusia memberi penghargaan dan memetik perspektif mengenai kehidupan melalui kepelbagaiannya corak agama, budaya, dan penceritaan pengalaman tersebut. Setiap destinasi dalam pengembalaan mengenali dunia mempunyai sejarah dan revolusi ketamadunan yang mempunyai pelbagai intipati kehidupan.

Catatan kembara merupakan sebuah hasil penulisan yang mendokumentasikan pengalaman pengembala yang berkelana di serata negara. Setiap perjalanannya dikutip, dilukis dan direkod bagi mencoretkan sebuah pengalaman yang dilalui oleh pengembala. Oleh yang demikian, kajian ini menjadikan catatan kembara dalam bentuk puisi sebagai kajian untuk meneliti pengalaman penulis merantau ke luar negara dengan menjalankan keteguhan jati diri Melayu sebagai pegangan utama.

Berdasarkan puisi-puisi bergenre catatan kembara ditulis oleh Muhammad Haji Salleh, keperibadian seorang pengembala yang berhati kental memegang prinsip sebagai orang Melayu, walaupun berada dalam lingkungan budaya dan persekitaran yang berselisih dengan asal-usul dan pegangannya. Beliau pernah menggunakan teknik penulisan kembara dalam hasil nukilannya. Beliau berkongsi bukan sekadar pengalaman beliau ketika berada di luar negara, malahan, beliau menyelitkan pengajaran dan peringatan buat pembaca akan pentingnya seseorang itu punya hati yang kuat dalam mendepani cabaran ketika berada di tempat orang.

Sehingga kini, catatan kembara kerap menjadi pilihan dan ditulis oleh penulis baru tempatan. Salah satunya, seorang penulis catatan kembara mutakhir iaitu Fahd Razy, anak muda yang merantau dan merakam perjalanan pengembalaannya melalui penulisan dan turut mencatatkan pandangan dan pengalaman serta cabarannya berada di negara. Kajian bertumpu kepada perjalanan penulis yang bermusafir di luar negara dan meneliti cabaran penulis berhadapan dengan pengaruh baru iaitu perbezaan agama, bahasa, dan budaya. Namun demikian, masih mengekalkan jati diri Melayu dalam keperibadian individu.

Setiap perjalanan manusia, mempunyai coretan pengalaman yang djadikan pengajaran hidup. Menurut Mana Sikana (2013) dalam makalah "Pendidikan Sastera Remaja di Malaysia

dalam Membina Unggul Berasaskan Falsafah Pendidikan Negara” oleh Ani Omar (2015)<sup>1</sup>, menjelaskan keindahan suatu pengalaman bergantung kepada keunikan pengalaman itu sendiri. Hal ini menunjukkan pengalaman itu luar biasa, belum pernah dialami, menarik dan memberikan kepuasan. Pengalaman yang indah ialah apabila ia memberi rasa dan kesan yang menarik, mengagumkan, menyedihkan atau yang memeranjatkan. Oleh yang demikian, pengalaman inilah yang melakar emosi, jasmani, rohani dan intelek yang melahirkan sebuah catatan kembara.

Fahd Razy, melalui puisinya menggambarkan pengalaman dan perspektif beliau melihat dunia secara meluas dengan mengekalkan prinsip jati diri Melayu iaitu agama, bahasa dan budayanya menerusi catatan kembara yang ditulis. Sementelah itu, kajian ingin merungkai cara orang Melayu apabila berada dalam suasana yang baharu dan mendepani arus modernisasi. Oleh kerana itu, dapatlah dilihat bahawa kajian tentang isu jati diri berupaya mengangkat karya catatan kembara ke suatu ruang wacana yang serius, kerana rata-rata karya yang bergenre ini kurang mendapat perhatian secara umumnya.

Maka, menerusi ruangan kajian ini dijalankan secara terperinci dengan melihat kecenderungan penulis terutama mengangkat isu pertentangan budaya dan adat resam ketika berada di luar negara yang menguji seseorang individu untuk terus kekal untuk berpegang teguh dengan amalan budaya yang biasa atau terus mengikut arus kehidupan gaya hidup seperti orang tempatan seperti yang dinyatakan dalam puisi, “Nota Kecil Menyeberang Usia” terbitan 2008.

## METODOLOGI

Dalam kehidupan sebagai manusia, penerapan jati diri merupakan konsep asas yang harus dilentur dalam keperibadian seseorang. Ia merupakan pengenalan diri yang membezakan antara pegangan sistem yang berlainan dalam skop sosial. Aplikasi jati diri dalam diri manusia menunjukkan kepada ketahanan diri dalam jasmani, emosi, rohani, intelektual dan nilai-nilai. Ia menjelaskan bahawa, pegangan teguh terhadap nilai kebudayaan bangsa sendiri dan menjadikan seseorang itu tidak mudah terpengaruh dengan nilai-nilai dari luar bangsa tetapi dalam masa yang sama masih boleh menyesuaikan diri dalam kelompok kepelbagaiannya budaya.

Jati diri merujuk kepada keperibadian atau sahsiah, malah ia juga merujuk kepada pengenalan diri. Ia mempunyai perkaitan dengan intipati diri seseorang atau dalam konteks bangsa Melayu berdasarkan konsep-konsep penghayatan nilai, sudut pandangan dan pemikiran, sikap, gaya hidup dan pegangan atau prinsip. Jati diri yang menguasai diri manusia merupakan suatu pembentukan utuh hasil daripada pengalaman dan fakta mengenai kehidupan seseorang dalam konteks pandangan alam dunianya. Proses pembentukan personaliti dan identiti berlaku dalam diri individu bersifat dinamik yang diperlihatkan sebagai struktural.

Menurut buku *Mentaliti Kritis dalam Kalangan Masyarakat Melayu* (2005), proses ini akan berubah-berubah mengikut peredaran pandangan dan perspektif seseorang yang dipengaruhi oleh sistem kepercayaan, kebudayaan, penilaian, dan tanggapan diri ke arah positif ataupun negatif. Jati diri Melayu kewujudannya, bersifat abstrak dalam diri, nurani, jiwa, perasaan dan pemikiran. Konsep jati diri secara morfologi ia terpisah namun akronimnya menyatukan antara ‘jati’ dan ‘diri’. Menurut *Kamus Dewan* (1989), ‘jati’ bermaksud asli, murni, tulen, tidak bercampur. Ia mempunyai sinonim dengan ‘pokok jati’ yang kuat, kukuh dan bermutu.

Oleh yang demikian, ia menunjukkan simbol kepada pegangan utama dalam diri seseorang individu. Manakala, ‘diri’ pula membawa maksud batang tubuh, orang seorang dan empunya badan (*Kamus Dewan*, 1989), ini menunjukkan sifat dalaman yang ada pada setiap manusia iaitu perlakuan yang mempunyai ciri seperti yang dinyatakan oleh Burns (1979), perlakuan diri seseorang individu seperti kemahiran, kebolehan, prestasi dan kecekapan. Seterusnya, cara berfikir atau paradigma, diri fizikal, dan pegangan diri iaitu sistem kepercayaan dan nilai (doktrin atau ideologi).

Pentakrifan ‘Melayu’ yang berbentuk formal dilihat melalui imej sebuah bangsa masyarakat yang berasal di Tanah Melayu. Jati diri Melayu merupakan pentakrifan Melayu dalam perlembagaan Perkara 160 (2), memperuntukkan orang Melayu sebagai seorang yang beragama Islam iaitu sistem kepercayaan dalam konteks agama Islam yang kukuh kerana ini merupakan teras dalam jati diri Melayu. Mengamalkan budaya dan adat Melayu dalam kehidupan seharian. Seterusnya ia juga diukur melalui penggunaan bahasa iaitu berdasarkan pengucapan, interaksi, ideologi serta pemikiran yang dilafazkan dalam bahasa Melayu.

Menurut Uthman el-Muhammadi dalam mengulas tentang adat dan budaya Melayu. Beliau mengupas tentang pepatah Melayu yang berbunyi “biar mati anak, jangan mati adat”<sup>2</sup>. Peribahasa ini menunjukkan betapa adat itu wajib dilentur dalam darah bangsa Melayu bagi melambangkan tahap keperibadian dan identiti Melayu. Ungkapan ini lahir bukanlah dengan tujuan dan pegangan yang kosong dan boleh diperlekehkan. Ia sebenarnya lahir rentetan daripada pegangan masyarakat Melayu lama yang berteraskan adat. Ini bermaksud ia merupakan darah yang mengalir dalam setiap orang Melayu iaitu umat Islam seperti yang ditetapkan dalam konsep jati diri Melayu yang berbunyi “hidup bersandarkan adat, adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Al-Quran” yang bermula dengan kedatangan Islam yang berkembang di Nusantara dan di Asia Tenggara dengan kegigihan para ulama yang berdakwah.

Hal ini menunjukkan walaupun seseorang individu itu diperbesarkan dan bermastautin di luar negara namun, pegangan jati diri Melayu tetap ada secara sedar atau *vice versa*. Budaya Melayu dilihat pada agama yang dipegang, bahasa yang dituturkan setiap hari dan adat istiadat yang melingkari kehidupan sesebuah masyarakat. Menurut Hamidy (2004) dalam Rina Rehayati (2013) yang menyatakan bahawa definisi orang Melayu itu sangat luas dan terletak dalam masyarakat majmuk iaitu masyarakat yang berbilang bangsa, agama, budaya dan bahasanya. Kedudukan majmuk ini mewujudkan kesatuan dan penerimaan Melayu terhadap kepelbagaiannya budaya. Perkembangan Melayu disebabkan oleh kedatangan Islam yang menjadi atap dalam konsep jati diri Melayu.

Kajian ini menggunakan model bagi mengulas puisi catatan kembara terpilih. Berdasarkan Model Jati Diri Melayu, ajaran agama Islam yang terkandung akidah, akhlak dan syariah saling berkaitan dengan aspek budaya dan adat yang perlu berlandaskan syariah Islam, meliputi setiap tingkah laku dan nilai-nilai, yang menepati ciri-ciri keislaman. Manakala, bahasa Melayu pula, saling berkaitan dengan penyampaian ilmu mengenai akidah, akhlak dan syariah bagi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang bertaraf tinggi dan meletakkan kedudukan ilmu dalam kesusastraan Melayu sebagai mauduk.


### **Model Jati Diri Melayu**

Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan Malaysia perkara 160, terdapat tiga ciri utama bangsa Melayu iaitu, beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Gabungan ketiga-tiga ini membentuk identiti yang unggul dan ampuh sekaligus melatari pembentukan jati diri Melayu semenjak dahulu hingga kini.

Jati diri menurut *Kamus Dewan* ke- 4 bermaksud sifat atau ciri unik dan istimewa iaitu dilihat dari segi adat, bahasa dan budaya juga agama yang menjadi teras lambang keperibadian seseorang individu atau suatu bangsa. Jati diri merujuk kepada keperibadian atau sahsiah, malah ia juga merujuk kepada pengenalan diri. Ia mempunyai perkaitan dengan intipati diri seseorang atau dalam konteks bangsa Melayu berdasarkan konsep penghayatan nilai, sudut pandangan dan pemikiran, sikap, gaya hidup dan pegangan atau prinsip. Jati diri yang menguasai diri manusia merupakan pengalaman dan fakta mengenai kehidupan seseorang dalam konteks pandangan dunianya. Proses pembentukkan personaliti dan identiti berlaku dalam diri individu yan bersifat dinamik dan juga struktural<sup>3</sup>. Menurut Craig (1996), dalam Mohd. Azhar Abdul Hamid (2005), mengatakan proses ini akan berubah-berubah mengikut peredaran pandangan dan perspektif seseorang manusia yang dipengaruhi oleh sistem kepercayaan, kebudayaan, penilaian, dan tanggapan diri ke arah positif ataupun negatif.

Melayu pula menunjukkan imej sebuah bangsa masyarakat yang berasal-usulkan Tanah Melayu. Jati diri Melayu merupakan pentakrifan Melayu dalam perlumbagaan Perkara 160 (2), memperuntukkan orang Melayu sebagai seorang yang beragama Islam iaitu sistem kepercayaan dalam konteks agama Islam yang kukuh oleh kerana ini merupakan teras dalam jati diri Melayu. Seterusnya, pengucapan, interaksi, idealogi serta pemikiran yang dilafazkan dalam bahasa Melayu. Tambahan pula, adat, perwatakan dan keperibadian Melayu haruslah menepati kebudayaan, peradaban dan kesusilaan orang Melayu. Demikianlah, kupasan konsep jati diri Melayu yang diaplikasikan oleh masyarakat berbangsa Melayu.

Berikut, merupakan rajah Model Jati diri Melayu yang diperbincangkan dalam kajian ini:



RAJAH 1. Model Jati Diri Melayu

Berdasarkan Model Jati Diri Melayu berkenaan, menunjukkan bahawa ajaran agama Islam yang terkandung akidah, akhlak dan syariat saling berkaitan dengan aspek budaya dan adat yang perlu berlandaskan syariat Islam Tingkah laku dan nilai-nilai harus menepati ciri-ciri keislaman. Manakala, bahasa Melayu pula, saling berkaitan dengan penyampaian ilmu mengenai akidah, akhlak dan syariah bagi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang bertaraf tinggi dan meletakkan kedudukan ilmu dalam kesusastraan Melayu. Fungsi anak

panah adalah menunjukkan bahawa ketiga-tiga aspek ini berkaitan antara satu sama lain iaitu aspek yang terkandung dalam keperibadian seorang bangsa Melayu.

Model Jati Diri Melayu tersebut merangkumi ketiga-tiga aspek iaitu yang pertama, Islam agama luhur berpandukan akidah dan syariah. Seterusnya, adat dan budaya Melayu tunjang peradaban Melayu berlandaskan Syariah dan akhlak dan bahasa Melayu sebagai teras jiwa bangsa untuk menyampaikan ilmu dan pemikiran. Model Jati Diri Melayu berperanan untuk mengulas mengenai isu-isu keperibadian dan jati diri Melayu yang terkandung dalam puisi-puisi catatan kembara yang terpilih. Namun demikian, untuk tujuan kajian, hanya aspek adat dan budaya Melayu sahaja digunakan dalam perbincangan kertas ini.

### **Adat dan Budaya Tunjang Peradaban Melayu**

Dalam ajaran Islam yang merangkumi syariah dan akhlak, agama menjadi satu hubungan dan berkait rapat dengan adat dan budaya Melayu. Agama merupakan lambang dalam sesebuah bangsa bagi mencapai sistem kehidupan ke merlu kejayaan, aman, harmoni, rasional dan intelektualiti. Adat dan budaya merupakan tradisi yang dilentur sejak zaman nenek moyang lagi. Menurut Mohd Anuar Ramli (2006), beliau mengatakan istilah adat mengalami proses perkembangan yang dinamik dalam pemikiran orang Melayu. Pada peringkat awalnya, istilah adat identik dan sinonim dengan istilah kebudayaan<sup>4</sup>. Maka, kebudayaan dan adat merupakan tradisi atau cara hidup suatu masyarakat.

Dalam karya *Sejarah Melayu* ada menyatakan mengenai adat iaitu “Maka sembah Menteri Jana Putera.; Tuanku akan adat kami Islam...”<sup>5</sup> Menurut Mohd Anuar Ramli (2006) lagi, istilah adat dalam frasa tersebut merujuk kepada cara hidup iaitu kebudayaan sesebuah masyarakat. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan pernyataan Abdul Samad Ahmad (2010) bahawa istilah “kebudayaan” mula dikenali oleh masyarakat umum di negara ini kira-kira pada tahun-tahun 1940-an. Sebelum itu, perkataan atau istilah yang terpakai dalam lisan mahupun tulisan adalah adat dan adat istiadat.

Definisi adat menurut Kassim Salleh (1989), mengatakan adat sebagai sesuatu yang menjadi kebiasaan manusia dan mengalaminya dalam bentuk perkataan, perbuatan atau meninggalkan tindakan tertentu. Perkara itu berlaku berulang-ulang sehingga mempengaruhi diri manusia dengan memberi kepuasan dan perkara itu juga diterima akal. Ini bermaksud, adat merupakan amalan yang dilakukan secara konsisten oleh kelompok masyarakat secara terbuka, dan diterima atas persetujuan sesebuah masyarakat yang besar.

Abdul Samad Idris (1994) mendefinisikan adat sebagai satu-satu amalan yang ghalib atau biasa dilakukan oleh sesuatu kelompok masyarakat dalam mengatur cara hidupnya sehari-harian<sup>6</sup>. Sehubungan dengan itu, disokong oleh konsep yang diutarakan oleh Asmad (1990), mengatakan adat dikenali sebagai suatu perbuatan atau perlakuan menurut kebiasaan masyarakat atau bangsa yang berkenaan. Ini bermaksud, adat merupakan satu tingkah laku dan perbuatan yang dipatuhi oleh sekelompok masyarakat dalam kehidupan sosial. Ia merupakan satu peraturan dan haruslah tidak bercanggah dengan syariah Islam.

Menurut Mohd Anuar Ramli (2006), mengutarakan mengenai adat secara umum dalam pemikiran Melayu dan menyimpulkan pengertian adat iaitu amalan, perbuatan, kelakuan, tingkah laku yang menjadi kebiasaan. Ia merupakan norma hukum dan peraturan pemerintahan yang dilaksanakan dalam masyarakat. Sebagai contoh, Adat Perpatih dan Adat Temenggong. Selain itu, ia juga prinsip alam semula jadi, seperti adat api itu membakar dan adat air itu basah. Ia melihat kepada sesebuah sifat yang terlazim. Ia juga merujuk upacara atau adat istiadat dalam bidang kehidupan seperti perkahwinan, kelahiran, kematian, atau

kepercayaan. Ia juga merupakan susunan atau sistem masyarakat dan institusi kemasyarakatan seperti sistem kekerabatan, kehartaan, dan politik.

Rina Rehayati (2013) mengutarakan sistem nilai Melayu yang merangkumi Islam, adat Melayu dan bahasa. Beliau menjelaskan bahasa dalam konteks inilah dapat dilihat sebuah identiti Melayu dan perbezaan budaya Melayu dengan budaya yang lain. Sistem nilai Melayu inilah dapat diinterpretasikan sebagai tradisi yang muncul dalam kehidupan orang Melayu dan disesuaikan dengan adat atau kebudayaannya. Jika tradisi tersebut sesuai dengan adat maka, tradisi itu boleh dikembangkan dan tidak dilarang. Ukuran adat membenarkan atau melarang suatu tradisi berdasarkan syariat Islam. Hal ini bermaksud, setiap apa yang diperlakukan, perbuatan, aplikasi atau ketetapan dalam sistem kehidupan sosial masyarakat Islam adalah berdasarkan adat yang dilentur dalam keperibadian setiap individu. Maka, adat dan kebudayaan itu haruslah sejajar dengan ajaran dan hukum yang diperkenalkan dalam agama Islam.

Umum mengetahui bahawa Islam itu adalah ad-din, yang menjadi pegangan dalam menghayati gaya hidup sehari-hari buat seluruh umatnya. Dengan itu, aspek syariah yang berhubung kait dengan adat dan budaya Melayu iaitu peraturan yang berhubungan dengan akhlak atau perilaku seseorang, dan peraturan yang bersangkutan dengan tindak-tanduk lahiriah yang menyentuh soal haram halal menjadi satu garis panduan buat orang Islam untuk sentiasa kekal dalam syariat yang benar.

Syariah juga mempunyai hubungan penting dalam pembangunan fizikal, mental dan spiritual seseorang individu. Dalam konteks Islam, akhlak merupakan salah satu elemen penting yang perlu diberi perhatian kerana berhubung kait dengan tingkah laku dan peribadi. Beliau menjelaskan bahawa akhlak mempunyai hubung kait dengan fitrah kejadian manusia yang lebih cenderung untuk berbuat baik<sup>7</sup>. Ini bermaksud, akhlak sebahagian daripada pendirian, jika akhlaknya goyah barangkali boleh terjerumus dalam landasan dan anasir yang negatif. Oleh yang demikian, akhlak memberi kesan dalam kehidupan seseorang yang dilihat pada fizikal dan rohani seseorang insan dengan menjalani kehidupan sejajar dengan ajaran Islam.

Antara aplikasi-aplikasi yang sejajar dengan konsep agama Islam iaitu syariah dan akhlak dipetik berdasarkan fahaman Idris Zakaria (2012) yang mengupas falsafah pemikiran Islam yang menjadi asas kepada pembentukan kebudayaan atau adat dan juga kesenian Melayu. Penganalisisan menggunakan fahaman Idris Zakaria dalam memperlihatkan kebudayaan dan nilai-nilai yang terkandung dalam jati diri Melayu. Aspek tersebut akan dilihat melalui penyampaian puisi yang mempunyai kaitan dengan fahaman Idris Zakaria iaitu, aspek-aspeknya adalah, 1) Memahami akidah yang mudah diterima akal, 2) Fungsi rasionalisme Islam, 3) Watak damai dan toleransi dalam Islam, 4) Deklarasi hidup bersaudara 5) Pandangan kehidupan dunia dan tuntutan spiritual, 6) Fahaman Ahli-Sunnah Wal Jamaah, dan 7) Tasawwuf dan kedamaian. Aspek-aspek ini dibincangkan dalam analisis puisi yang berkaitan dengan kebudayaan dan adat.

## ANALISIS “NOTA KECIL MENYEBERANG USIA”

Sebagai bangsa Melayu, kebudayaan dan adat Melayu merupakan elemen penting dalam membentuk sebuah bangsa. Keperibadian yang dipupuk oleh kebudayaan adalah melalui saluran pengaruh ataupun pendidikan yang sah dan umum iaitu diamalkan oleh nenek moyang yang terdahulu. Seterusnya bagi membentuk kebudayaan adalah melalui peribadi yang dituju berdasarkan atas nilai-nilai yang boleh diterima akal dan baik.

Kebudayaan terjalin erat dengan tatasusila dan sistem nilai sesuatu bangsa. Nilai dan sistem nilai mempengaruhi perkembangan dan kemajuan semua masyarakat manusia. Nilai-nilai murni dibentuk melalui kepercayaan agama. Islam merupakan pengaruh tunggal yang paling utama terhadap aspek kebudayaan dan adat Melayu.

Adat dan kebudayaan Melayu perlu dipelihara demi menjaga nama baik sesebuah bangsa. Manakala, setiap amalan yang dilakukan haruslah menepati landasan agama Islam agar masyarakat Melayu tidak mundur dan mengalami keruntuhan akhlak yang boleh mengundang kepada kehancuran tamadun Melayu. Adalah menjadi suatu yang mesti apabila adat dan kebudayaan Melayu perlu berpaksikan syariah. Oleh yang demikian, pegangan agama Islam untuk membentuk kebudayaan dan adat Melayu saling bersangkutan dengan tuntutan syariah. Syariah yang berkait rapat dalam aspek adat dan budaya adalah, peraturan yang bersangkutan dengan tindak-tanduk lahiriah manusia yang menyentuh soal halal haram perbuatan seseorang.

Dalam bait puisi “Nota Kecil Menyeberang Usia” ini jelas kelihatan akan penyair ingin menyatakan perihal bersangkutan dengan pegangan dan kepercayaan beliau yang bagi diuji ketika beliau berada di perantauan,

Saat ini aku kembali menjadi pengembala  
peribadi  
meneroka rimba serigala dalam diri.  
Amanah-Mu, ya *Rabb*  
kadangkala terlepas jua dibaham manusiawi  
akulah manusiawi, akulah juga insani  
yang kecur pada sepinggan majazi. Betapa  
anggur materi yang tumbuh dari indera  
dan sepercik iman yang menumpah dari gelas  
atma  
jua aku terkeliru mengecap  
yang mana duniawi mana abadi  
yang mana diri mana hakiki.

Telah tersimpan kebun anugerah yang segar  
di hujung *Sakarat*; juga kepanasan hukuman  
yang likat  
Di bawah seutas *Sirat*. Meski  
kuhimpun rukuk kupungut seluruh sujud  
jua tak terbebat luka kebodohan insani  
akulah insani, tetap akulah manusiawi  
yang menggelupur  
terhunus sebilah ketakburan batini.

(Fahd Razy: 118)

Berdasarkan puisi catatan kembara di atas, bermaksud menunjukkan penulis ingin meminta keampunan dari Allah dan menyedari atas dosa-dosa. Barangkali, penulis merasa dirinya tersasar dengan keduniaan yang semakin mempengaruhinya. Rangkap puisi yang akhir bermaksud, penulis mempersoalkan adakah penulis mempunyai kesempatan untuk mengubah dirinya menjadi seorang yang patuh kepada akidah, dan mengubah kejahatan

dalam dirinya menjadi orang yang mematuhi agama Islam. Antara isu yang boleh diketengahkan adalah, hubung kait puisi yang disampaikan menyentuh soal jati diri Melayu. Dalam kedua-dua rangkap puisi ini, penyair menyatakan bahawa pengaruh Barat itu boleh memesangkan pegangan orang Islam. Dalam keadaan yang digambarkan sebagai sesebuah kekeliruan, penyair menyatakan, adalah suatu keadaan yang sangat mencabar bagi seorang Melayu untuk sentiasa menyanjung adat dan memelihara agama Islam agar terus kekal subur. Ini adalah ujian yang besar bagi mengekalkan jati diri sebagai seorang Melayu Islam ketika menjalani kehidupan di perantauan. Bukan mudah, tetapi dalam kepayahan itu, terdapat sedikit harapan besar, bahawa seseorang itu mampu jika sentiasa istiqomah berpegang kepada jalan yang benar. Oleh yang demikian, pengaruh Barat ini boleh menimbulkan kesan yang negatif jika tidak dapat ditangani dengan bijak. Menyantuni budaya Barat tidak bermakna seseorang itu harus hanyut untuk terus berpegang dan berpandukan budaya itu sebagai amalan hidup secara mutlak.

Penyair juga dalam puisnya menggambarkan seorang muslim yang sedang berusaha mencari keampunan Allah, dan ingin mengubah imannya ke arah lebih baik setelah dipengaruh anasir-anasir yang boleh meruntuhkan iman tanpa disengajakan. Oleh yang demikian, walaupun penulis menggambarkan seseorang itu berada di tengah-tengah pengaruh dan aliran ekstrem yang dibawa Barat namun dengan bertunjangkan ajaran Islam, seseorang itu tidak akan keluar dari landasan agama. Walaupun bagaimanapun, penulis tetap mengutamakan pegangan jati diri dalam kandungan puisinya iaitu tidak lupa pada asal-usulnya dan masih mengamalkan syariah Islam. Dengan pegangan itu, ia mampu menolak perkara-perkara yang haram dalam menjalani kehidupan sebagai perantau dan bertumpu dengan fahaman sunni yang membentuk falsafah dan sendi-sendi kebudayaan Melayu.

Akhhlak yang mulia itu sentiasa dituntut, maka sehubungan itu, akhhlak yang dianjurkan dalam adab budaya Melayu itu menjadi panduan untuk seseorang agar terus berkelakuan baik. Juga, selalu diingatkan bahawa sompong dan ego itu dikatakan membawa kepada akhhlak yang buruk, dan mesti dijauhi. Ini dapat dilihat apabila penyair menyatakan rasa kesalnya apabila merasakan dirinya baik dan tidak terikut dengan budaya sekelilingnya. Dalam rangkap ketiga, baris terakhir “terhunus sebilah ketakburan batini” (Fahd Razy:118) Berdasarkan garis terakhir ini, ia memberi gambaran penyair ingin memperbetulkan dirinya yang dirasakan sudah mulai merasa sompong. Penyair merasakan dirinya lalai dan dengan pegangan agamanya yang dirasakan kukuh. Penyair mula merasa kesal, dan menyedari beliau telah melakukan kesilapan. Dalam Islam, manusia tidak ada hak yang mutlak dan kemampuan manusia adalah terbatas. Walaupun manusia mempunyai kelebihan, namun ia juga mempunyai banyak kekurangan dan secara fitrahnya manusia sentiasa terarah untuk melakukan kejahatan dan kemungkar. Justeru itu, jiwa manusia amat memerlukan agama untuk meneruskan kelangsungan hidup. Takjub dan sompong merasakan diri terlalu sempurna itu sama sekali dilarang oleh agama, kerana tiada yang sempurna melainkan Allah SWT.

Ismail Ibrahim (2017) menyatakan bahawa nilai moral dan akhhlak yang baik, adalah teras kepada pendidikan yang tidak hanya tertumpu kepada pemahaman kepada konsep semata-mata. Pendidikan yang mempunyai ajaran nilai, dan akhhlak yang baik mesti diperaktiskan setiap masa agar ajaran yang baik itu dapat terus dihayati sepanjang masa.

Ini bermaksud apabila sistem pendidikan mengutamakan pembentukan akhhlak, maka lama-kelamaan seseorang itu menerapkan nilai-nilai yang baik apabila berada di mana-mana sahaja. Apabila akhhlak dilentur dengan baik sehingga meresapi darah daging dalam keperibadian seseorang, maka beliau akan dijanjikan dengan balasan yang baik, dan mendapat kesejahteraan dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Oleh yang demikian, merujuk kepada

puisi catatan kembara tersebut, penulis menggambarkan seseorang itu menerapkan cara hidup dalam konsep Ad-din iaitu bukan hanya mengamalkan ibadat dan ritual dalam bentuk fardhu ain, serta menjaga perhubungan dengan Allah sahaja. Menurut Ismail Ibrahim (2017) lagi, seseorang itu haruslah melaksanakan ajaran Islam dalam bentuk yang lagi meluas, iaitu, Islam itu perlu dipraktikkan dalam kehidupan bermasyarakat, merangkumi kerjaya, bidang perhubungan dan komunikasi, menjaga hati sesama manusia dan punya akal yang berkualiti. Ini semua adalah penting bagi memastikan seseorang itu mempunyai pegangan jati diri Melayu yang selari dengan akhlak yang mulia dan konsisten terutama sekali apabila seseorang itu dikelilingi oleh pengaruh-pengaruh luar.

Bimbingan akhlak yang baik dapat dilihat melalui isu yang diangkat dalam puisi catatan kembara tersebut. Asas pembentukan budaya yang diperkenalkan oleh Idris Zakaria (2012) adalah, fahaman ahli sunnah yang memang dipegang dan diamalkan di negara ini. Oleh demikian, konsep asas pembentukan budaya yang dianjurkan oleh beliau dapat menggariskan bahawa setiap insan yang bergelar muslim haruslah mempunyai pemahaman ahli sunnah waljamaah. Antaranya pegangan akidah ahli sunnah waljamaah adalah satu pegangan yang berakar umbi dari ajaran yang dibawa Rasulullah S.A.W dan para sahabat Baginda. Berdasarkan pemahaman ini, maka ia boleh membentuk akhlak sesebuah masyarakat bagi memartabatkan adat dan kebudayaan Melayu dan mencapai keunggulan peradaban Islam. Oleh yang demikian, dapat digariskan di sini, penyair memberikan gambaran akan jati diri yang teguh itu berasal dari pegangan agama Islam yang benar dan diusulami dengan adab yang sopan menjadi tonggak kepada nilai jati diri Melayu. Nilai jati diri Melayu yang tegar inilah menjadi pedoman kepada setiap insan bernama Melayu dan Islam apabila menjalani kehidupan seharian dan bukan semestinya relevan ketika berada di perantauan semata-mata.

## KESIMPULAN

Melalui perbincangan ini, dapatlah disimpulkan bahawa bangsa Melayu adalah bangsa yang amat rapat dengan pegangan Islam dan agama Islam itu menjadi kekuatan yang perlu disemai dalam keperibadian seseorang. Kekuatan orang Melayu dengan ajaran selain Islam hanya akan menjatuhkan dan melemahkan orang Melayu. Keperibadian bangsa Melayu harus kuat demi mempertahankan agama dan juga bangsa. Hal ini akan melahirkan generasi yang berjiwa besar untuk meningkatkan ketamadunan bangsa Melayu. Prinsip jati diri Melayu merupakan pegangan yang merangkumi aspek-aspek nilai dalam keperibadian bagi membangunkan bangsa dan negara. Berdasarkan kajian ini yang melihat kepada penyair yang berkelana dan merantau ke luar negara membuktikan bahawa orang Melayu sangat kuat dari segi mental dan fizikalnya. Kefahaman masyarakat perlu dijana dengan atas kefahaman Islam yang sebenar di samping membudayakan sikap berlapang dada dan menerima pandangan.

Hal ini dilakukan oleh Fahd Razy melalui puisinya, beliau berpendapat, untuk sesuatu perubahan itu dapat diterima, pemikiran yang positif dan sikap berlapang dada itu mestilah dipraktiskan selalu. Dengan ini, akan menjadi mudah untuk seseorang itu menerima perubahan baru yang berlaku disekeliling tanpa perlu merasa tertekan dan keliru. Puisi ini mempamerkan akan cara beliau menangani perubahan, iaitu beliau menyandarkan segalanya kepada iman untuk meneruskan perjuangan menuntut ilmu di perantauan. Puisi ini secara tersirat, memberitahu pembaca bahawa apa yang berlaku di sekeliling itu bukanlah dibawah kawalan sesiapa. Apa yang penting, kekuatan dalaman itu harus ada untuk terus kekal dengan tujuan asal dan niat ketika berada jauh dari keluarga di negara asing.

Penyair melihat kepada pengalaman dirinya sendiri, ketika zaman beliau bergelar mahasiswa dahulu. Fahd Razy juga seorang penyair yang banyak menyentuh soal-soal keagamaan dalam membentuk akhlak dan tingkah laku sebagai orang Melayu yang berada jauh dari tanah air. Isu yang diketegahkan oleh beliau telah mengangkat situasi yang sukar bagi kebanyakan rakyat negara ini terutamanya yang beragama Islam dan berbangsa Melayu dalam mendepani cabaran hidup di perantauan. Budaya dan pemikiran serta cara hidup yang berlainan boleh memberikan tekanan yang hebat dan kekeliruan itu pasti timbul. Oleh yang demikian, jati diri Melayu dan iman, adalah dua aspek yang terpenting yang disarankan oleh penyair untuk individu terus tegar mengharungi arus yang mencabar.

Melihat kepada aspek gaya penulis apabila mendepani cabaran dari pengaruh luar yang mencabar falsafah budaya dan pemikiran dalam puisi ini, jelas menunjukkan bahawa budaya Melayu bukan senang untuk dicantas begitu sahaja. Budaya dan pegangan orang Melayu umpama sudah sebat dengan hidup orang Melayu, dan ia menjadi pegangan yang tidak mudah untuk dibuang begitu sahaja. Kemelut yang dihadapi oleh penyair itu menjadi lambang bahawa orang Melayu itu sangat kuat berpegang kepada soal jati diri Melayu dan agama yang dianutinya. Oleh yang demikian, secara umumnya, orang Melayu itu dilihat kuat jika pegangan jati dirinya kuat, hanya jika orang Melayu itu sendiri dapat faham dan patuh dengan baik akan peraturan-peraturan dalam agama Islam. Tanpa agama, orang Melayu akan mundur dan jauh tersasar ditelan arus pengaruh Barat. Namun yang demikian, penyair ini meletakkan agama Islam sebagai pegangan utama dalam diri yang selari dengan adat dan budaya. Seharusnya jati diri itu menjadi rujukan dan pegangan seseorang tanpa mudah terpengaruh dan leka apabila berada di mana jua dalam apa juga situasi dan keadaan.

<sup>1</sup> Ani Omar, ‘Pendidikan Sastera Remaja di Malaysia dalam Membina Unggul Berasaskan Falsafah Pendidikan Negara’ (2015) *PENDETA-Jurnal Bahasa Melayu dan Sastera Melayu*, hlm. 1-24.

<sup>2</sup> Dalam makalah Rina Rehayati, ‘Jati Diri Melayu dan Multikulturalisme: Kontekstualisasi Jati Diri Melayu di Era Global’ (2013), *Toleransi* Vol.5, hlm. 1-13.

<sup>3</sup> Mohd Azhar Abdul Hamid et al, ‘Mentaliti Kritis dalam Kalangan Masyarakat Melayu: Suatu pengamatan terhadap pelbagai persoalan hidup masyarakat Melayu Masa Kini’, hlm. 146.

<sup>4</sup> Mohd Anuar Ramli. ‘Instrumen ‘Urf dan Adat Melayu sebagai Asas Penetapan Hukum Semasa di Malaysia’ (2006) *Jurnal Pengajian Melayu* Jilid 17, 253-289.

<sup>5</sup> Muhammad Haji Salleh (ed.), 1997. Sulalat al-Salatin Ya'ni Perteturun Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu Tun Seri Lanang). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan & Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 81.

<sup>6</sup> A. Samad Idris. ‘Secebis mengenai: Adat Perpatih Nilai dan Falsafahnya’ (1984) Seminar Kebangsaan Adat Perpatih & Wilayah Budaya Negeri Sembilan, hlm.1-86.

<sup>7</sup> Ahmad Munawar Ismail et al. ‘Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu’ (2012) *Jurnal Hadhari, Edisi Khas*, hlm 143-154.

## RUJUKAN

- A.Samad Ahmad (Peny.). 2010. *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu* (Edisi Kesepuluh). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa & Siti Aishah Suhaimi. 2012. Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 143-154.
- Ani Haji Omar. 2015. Pendidikan Sastera Remaja di Malaysia dalam Membina Generasi Unggul Berasaskan Falsafah Pendidikan Negara. *Jurnal Pendeta*, (5), 1-23.
- A. Samad Idris.1984. Secebis Mengenai: Adat Perpatih Nilai dan Falsafahnya. Seminar Kebangsaan Adat Perpatih & Wilayah Budaya Negeri Sembilan, hlm.1-86.

- 
- A.Wahab Ali. 2009. *Kesusasteraan Melayu dalam Bandingan dan Pendidikan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmad. 1990. *Seni Lagu dan Permainan Tradisi*. Melaka: Association Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
- Fahd Razy. 2008. *Kumpulan Puisi Menggeledah Nurani*. Kuala Terengganu: GKLN Publishing House (e-karyawan Enterprise).
- Idris Zakaria. 2012. Islam dan Falsafahnya dalam Kebudayaan Melayu. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 91-108.
- Ismail Ibrahim. 2017. *Di mana penghayatan akhlak umat Islam?* Utusan Online-<http://m.utusan.com.my/rencana/utama/di-mana-penghayatanakhlek-umat-islam-1.463949>
- Jeannot Abdul Karim & Khairul Anuar Rezo. 2012. Pembentukan Skala Pengukuran Nilai Melayu: Satu Kajian Perintis. *Akademika* 82(1),113-123.
- Kamus Dewan. 2010. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Salleh.1989. *Ijtihad: Sejarah dan Perkembangannya*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Khalif Muammar. 2015. *Islam dan Pluralisme Agama Memperkuat Tauhid pada Zaman Kekeliruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Anuar Ramli. 2006. Instrumen ‘Urf dan Adat Melayu sebagai Asas Penetapan Hukum Semasa di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu* Jilid 17, 253-289.
- Mohd. Azhar Abdul Hamid, Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi, Norashikin Mahmud, Esa Khalid & Muhamed Fauzi Othman. 2005. Mentaliti Kritis dalam Kalangan Masyarakat Melayu: Satu Pengamatan terhadap Pelbagai Persoalan Hidup Masyarakat Melayu Masa Kini. Dlm. Hashim Awang, Zahir Ahmad Noor Hasnoor Mohamad Nor, Nor Hisham Osman & Md. Erman Md Yassin. *Emosi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Univeristi Malaya.
- Muhammad Haji Salleh (Peny.), 1997. *Sulalat al-Salatin Ya'ni Perteturun Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu Tun Seri Lanang)*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Md. Yatim, Zainal Abidin Borhan, Rahimin Affandi Abd. Rahim, Nor Hayati Md. Dahlam & Norhidayah Mohd Pauzi. 2011. Tradisi Intelektual Melayu-Islam: Daripada Metafora kepada Saintifikisme. *Jurnal Melayu* 6 (1), 73-85.
- Rina Rehayati. 2013. Jati Diri Melayu dan Multikulturalisme: Kontekstualisasi Jati Diri Melayu di Era Global. *Toleransi*,5(1), 58-70.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1979. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Naquib Al-Attas. 1977. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shaharudin. 2012. Islam Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 129-141.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. 2012. Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari*, 155-172
- Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. 2015. Pemikiran Melayu tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional. *International Journal of the Malay Civilization (Iman)*, 3(2), 121-129.

---

**Biodata Penulis:**

**Azzurin Mohd. Yassin**

Penulis merupakan graduan lulusan Ijazah Sarjana Kesusastraan Melayu dari Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang sastera Melayu moden.

**Mas Rynna Wati Ahmad**

Penulis merupakan pensyarah kanan di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah teori dan kritikan sastera.